

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN
PEMBUKAAN COOP FARMASI KOPUTRA
SETIA ALAM**

**26 NOVEMBER 2022 (SABTU)
10:50 PAGI**

**COMMERCIAL GROUND FLOOR SHOP
LOT, SETIA ALAM, SHAH ALAM**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Koperasi.

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan
dan Puan-Puan yang Dihormati

Sekalian

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya dapat kita bersama-sama di dalam Majlis Perasmian Pembukaan Coop Farmasi

KOPUTRA Setia Alam.

2. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Anggota Lembaga dan warga kerja Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA) atas pembukaan Coop Farmasi KOPUTRA Setia Alam yang merupakan cabang

perniagaan terbaharu yang diceburi koperasi ini.

3. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada warga KOPUTRA kerana menjemput saya merasmikan pembukaan Coop Farmasi berserta kehadiran Datuk-Datuk/ Datin-Datin/

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian dalam majlis yang berbahagia ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Selain aktiviti perkhidmatan pembiayaan berlandaskan syariah seperti pinjaman peribadi dan barangan, pajak gadai Ar-Rahnu, jualan dinar emas/*gold bar*, belian

barangan secara ansuran, perkhidmatan pengurusan wasiat, pelan takaful, pembiayaan pendidikan, homestay dan penjualan produk runcit makanan, KOPUTRA bergerak selangkah lagi melalui perniagaan berasaskan penjagaan dan kesihatan diri yang sentiasa mendapat permintaan anggota

koperasi dan masyarakat umum.

5. Umum sedia maklum bahawa kos untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan bukanlah murah. Sistem kesihatan negara kita sama ada kerajaan mahupun swasta telah berfungsi dengan cemerlang hingga sebahagian besar rakyat Malaysia

dapat menikmati tahap kesehatan yang baik terutama ketika kes pandemik COVID-19 memuncak.

6. Keberkesanan sistem kesihatan negara digalas secara bersama oleh pihak Kementerian Kesihatan, pemegang taruh, sektor awam, swasta serta pertubuhan bukan kerajaan. Ini

satu keperluan memandangkan kadar penyakit tidak berjangkit/kronik seperti penyakit kencing manis dan darah tinggi semakin meningkat.

7. Untuk memenuhi keperluan ini, ANGKASA telah menubuhkan Coop Wellness yang memfokuskan produk penjagaan diri dan kesihatan dan

menceburi bidang perniagaan farmasi runcit di bawah rangkaian Coop Farmasi.

8. ANGKASA memulakan perniagaan ini pada awal tahun 2020. Sehingga kini, sebanyak enam cawangan Coop Farmasi telah dibuka di seluruh Malaysia dengan empat milik

ANGKASA dan dua milik koperasi yang mendapat bimbingan ANBKASA. Selain Coop Farmasi yang dibuka oleh KOPUTRA pada hari ini, sebuah lagi Coop Farmasi bakal dibuka di Felda Sungai Koyan 3 milik Koperasi Felda Sungai Koyan 3 Berhad.

9. ANBKASA mensasarkan lima

outlet baru dibuka pada tahun 2022 dan merancang untuk membuka 100 outlet farmasi milik koperasi pada tahun 2023.

10. Bagi merealisasikan hasrat ini, ANGKASA mengalu-alukan penyertaan dari koperasi-koperasi yang berminat serta akan memberi

bimbingan dan tunjuk ajar seliaan operasi dari sebelum pembukaan sehinggalah farmasi beroperasi sepenuhnya.

11. Untuk makluman, fokus model perniagaan Coop Farmasi ini bukan hanya pada kedai fizikal, bahkan turut mempunyai kedai atas taliannya

sendiri di LAZADA dan Shopee. Coop Farmasi juga telah berdaftar di Pandamart, bagi memberi perkhidmatan terbaik menyediakan pembekalan penghantaran ubat terus ke rumah pelanggan.

12. Coop Farmasi turut menyediakan perkhidmatan konsultasi

doktor secara atas talian, sama ada di premis farmasi atau melalui telefon bimbit. Ubat-ubatan akan dibekalkan oleh ahli farmasi bertauliah di setiap premis Coop Farmasi.

13. Justeru, ANGKASA akan terus memainkan peranan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan

terbaik. Harapan saya agar lebih banyak Coop Farmasi ditubuhkan pada masa akan datang supaya anggota koperasi dan masyarakat berpeluang mendapatkan perkhidmatan kesihatan terbaik mengikut kemampuan masing-masing.

14. Akhir kata, sekali lagi terima kasih kepada warga KOPUTRA yang sudi mengundang saya untuk menyampaikan ucapan perasmian dalam majlis ini. Saya dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim, merasmikan Majlis Pembukaan Coop Farmasi KOPUTRA Setia Alam.

Sekian, terima kasih.